

## Topik: Binatang Peliharaan

Buku Besar 'Kucing Dina'

### 1) Latar Aktiviti:

- Kelas Tadika 1/ Penggal 3/ Buku 2
- Pelajaran ini dikendalikan untuk mengenalkan kanak-kanak pada Buku Besar 'Kucing Dina'.
- Sesi berinteraksi dan bercerita.
- Kanak-kanak mengambil bahagian dalam aktiviti kosa kata lisan.

### 2) Objektif:

Di akhir pelajaran, kanak-kanak dapat:

- menjawab soalan-soalan mudah tentang ilustrasi cerita.
- berkongsi bersama guru dan kawan-kawan berdasarkan pemahaman mereka tentang jalan cerita buku besar, 'Kucing Dina'.
- mengikut arahan dalam Bahasa Melayu semasa menjalankan aktiviti.
- mengecam dan menyebut perkataan daripada kad kosa kata lisan (kad gambar; kucing, arnab, burung, ikan dan anjing).
- menamakan dan melakonkan aksi/pergerakan/ bunyi binatang yang dipaparkan.

**Pelajaran ini mengenalkan kanak-kanak kepada:**

- pelbagai jenis binatang peliharaan
- cara menjaga binatang peliharaan
- sikap bertanggungjawab terhadap binatang peliharaan

Bahan-bahan pengajaran yang disediakan untuk mencapai matlamat pembelajaran;

- Buku besar digunakan sebagai bahan untuk menggalakkan perbincangan agar dapat memupuk kemahiran mendengar, merangsang minat membaca dan meluaskan perbendaharaan kata.
- Kad kosa kata lisan digunakan untuk meningkatkan kebolehan membaca, (kesedaran fonologi), pengetahuan tentang perkataan-perkataan lazim dan kemahiran kefahaman.

### 3) Langkah-langkah

**Induksi (10 min):**

- Guru menyanyi dan beraksi bersama kanak-kanak menerusi lagu 'Kucingku'.
- Guru mengajak kanak-kanak duduk dalam bulatan.
- Guru mengenalkan permainan dadu kosa kata lisan.

## Permainan Dadu Kosa Kata Lisan

- 1) Guru bertanya kepada kanak-kanak nama/aksi/pergerakan binatang peliharaan yang terpapar di dadu.
- 2) Guru memainkan muzik semasa kanak-kanak menghulurkan dadu kepada kawan di sebelah.
- 3) Kanak-kanak harus berhenti menghulurkan dadu sebaik sahaja muzik berhenti.
- 4) Kanak-kanak yang memegang dadu perlu mencampakkan dadu tersebut.
- 5) Kemudian, kanak-kanak mengecamkan dan menyebutkan nama binatang dan, melakonkan aksi binatang yang sesuai, berdasarkan gambar binatang peliharaan yang terpapar di dadu.
- 6) Aktiviti ini disambung dengan pusingan seterusnya.



Hore, giliran saya untuk mencampak dadu!



Ini ikan. Ikan boleh berenang.



Ini arnab.



Saya boleh melompat seperti arnab.


**Aktiviti Utama (20-25 min):** Mengenalkan buku besar 'Kucing Dina'

### Sesi Berinteraksi:

- Guru menunjukkan buku besar 'Kucing Dina' kepada kanak-kanak.
- Guru mengajak kanak-kanak berbual tentang ilustrasi di kulit buku dan ilustrasi di dalam Buku Besar.
- Guru menggunakan soalan-soalan dasar mengikut kesesuaian ilustrasi pada setiap halaman.

Contoh:

- Ini gambar apa? (soalan rangsangan /tertutup)
- Betul/ Tepat/ Ya/ Mungkin (menilai jawapan kanak-kanak)
- Mari kita sebut bersama. (pengulangan / pengukuhan)




**Buku Besar 'Kucing Dina'**

### Sesi Bercerita:

- Guru menceritakan plot kepada kanak-kanak dengan intonasi, aksi, kesan bunyi atau alat bercerita yang sesuai.

### Aktiviti Kosa Kata Lisan (10-15 min):

- Guru menunjukkan Kad kosa kata lisan (kad gambar) kepada kanak-kanak satu-persatu.
- Guru meminta kanak-kanak menyebut nama binatang-binatang peliharaan yang ada pada kad gambar.
- Kanak-kanak yang mengecam dan menyebut nama binatang-binatang peliharaan dipanggil ke hadapan kelas untuk menyanyi bersama.
- Kanak-kanak memegang kad gambar dan menyanyi bersama guru dan kawan-kawan;
- Contoh: (kad gambar kucing)  
"Ini kucing. Ini kucing. Saya suka kucing. Saya suka kucing. Ini kucing. Ini kucing."
- Kanak-kanak secara bergilir-gilir mengecam, menyebut dan menyanyi di hadapan kelas.



Ini burung.  
Ini burung.  
Saya suka burung.  
Saya suka burung.  
Ini burung.



Ini kucing.  
Ini kucing.  
Saya suka kucing.  
Saya suka kucing.  
Ini kucing

### Penutup (10-15 min):

- Guru membawa kanak-kanak ke sudut pembelajaran untuk mengenalkan boneka binatang peliharaan seperti, burung, anab, anjing dan sebagainya.
- Kanak-kanak bermain dan berinteraksi bersama guru dan kawan-kawan.
- Di akhir kelas, guru mendapatkan setiap kanak-kanak untuk menyatakan satu binatang peliharaan yang disukai mereka atau yang ingin dipelihara mereka.



Ayuh Hafizah, kita mandikan binatang ini.



Burung ingin tidur.



Saya suka bermain dengan hamster.

#### 4) Rumusan:

- Selaras dengan rangka kerja NEL, kanak-kanak prasekolah dapat meneroka, menambah minat dan melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran dengan adanya bahan-bahan pengajaran yang sesuai;
  - Bahan pengajaran yang baik dapat menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari Bahasa Melayu.
  - Bahan yang digunakan harus menyokong matlamat pembelajaran yang dirancang dan bersesuaian dengan kesediaan dan kebolehan kanak-kanak.
  - Bahan pengajaran peringkat prasekolah dibahagikan kepada empat kategori utama iaitu bahan bercetak, bahan manipulatif, bahan elektronik dan contohan autentik.

Sumbangan oleh: Cikgu Haslilah dari Tadika MOE (Westwood)